Utusan Malaysia



Hilton
JUST TWO MILES
FROM THE BEACH



# RUU pindaan Akta 342 dibentang ke PSC




KHAIRY JAMALUDDIN

PETALING JAYA: Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) terlebih dahulu sebelum bacaan kedua dan ketiga di Dewan Rakyat, Isnin ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, hal itu kerana untuk mengambil kira pandangan diberikan dan kepentingan kesihatan awam negara dengan pihaknya akan meneruskan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan dan meneliti semula RUU pindaan Akta 342.

Katanya, pemurnian ke atas pindaan bertujuan melindungi kepentingan rakyat agar tidak terbeban dengan nilai kompaun yang mungkin terlalu tinggi bagi sesetengah pihak dan pada masa yang sama menambah baik akta sedia ada untuk mencegah dan mengawal pandemik serta wabak dengan lebih berkesan.

"Justeru, mengambil kira pandangan yang diberikan dan kepentingan kesihatan awam negara, Kementerian Kesihatan akan meneruskan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan dan meneliti semula RUU